

Masa depan Snap dalam BN akan ditentukan

KUALA LUMPUR, Sabtu — Masa depan Parti Nasional Sarawak (Snap) dalam Barisan Nasional akan ditentukan di mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, pada 8 Januari.

Sumber-sumber berkata kesemua 11 parti komponen dalam Barisan Nasional akan mengundi untuk menentukan sama ada Snap akan dikekalkan dalam Barisan Nasional.

Sumber-sumber itu enggan mengulas kemungkinan Snap disingkirkan dari Barisan

Nasional tetapi hanya mengatakan bahawa "Snap mungkin atau tidak mungkin disingkirkan atau diberi notis supaya mematuhi prinsip-prinsip Barisan Nasional di masa depan."

Keciwa

"Tetapi sudah tidak syak lagi, nasib Snap menjadi perkara pokok di dalam agenda mesyuarat itu, lebih-lebih lagi memandangkan ia telah bersikap keras kepala dengan bertanding menentang Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (Pbb) dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri minggu ini," jelas sumber-sumber tersebut.

Bukan itu sahaja bahkan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Haji

Taib Mahmud keciwa dengan sikap Snap dan menisfatkan parti itu sebagai 'musuh' kerana mengemukakan calon-calon bebas untuk menentang partinya iaitu Pbb dalam sekurang-kurangnya 13 kawasan pilihanraya.

Bellau, secara terbuka telah mengisytiharkan sokongannya bagi Parti Bangsa Dayak Sarawak (Pbds) yang menurutnya menyokong konsep Barisan Nasional.

Pbds yang dikekalkan sebagai rakan dalam Barisan Nasional kerajaan negeri dipimpin oleh Menteri Persekutuan bagi Tenaga Pos dan Telekom, Datuk Leo Mogie. Parti itu ditubuhkan dalam bulan Julai setelah sekumpulan para wakil yang dipilih keluar Parti Nasional Sarawak (Snap).

Dalam pilihanraya negeri, Pbds dan Snap telah sama-sama bertanding

dalam 15 kawasan pilihanraya dengan menggunakan simbol parti.

Pbds memenangi enam kerusi dan Snap lapan.

Sumber-sumber berkata dengan prestasi Barisan Nasional yang cemerlang dalam pilihanraya itu, kuasa kini terletak di tangan Ketua Menteri dan terpuanglah kepada bellau untuk membuat cadangan kepada Majlis Tertinggi Barisan Nasional sama ada bellau ingin mengekalkan Snap dalam Barisan Nasional atau mengambil Pbds sebagai anggota Barisan Nasional.

Sokongan

Sumber-sumber itu tidak pula menolak kemungkinan para parti komponen Barisan Nasional akan menerima Pbds ke dalam sayap Barisan Nasional.

Snap telah menunjukkan sikap keras hati sejak bulan Ogos apabila ia membatalkan kemasukan Pbds ke dalam Barisan Nasional dan tindakan ini telah memaksa Ketua Menteri itu supaya membentuk kerajaan negeri dan Barisan Nasional untuk memasukkan Pbds.

Sesebuah parti itu dibenarkan menyertai Barisan Nasional, ia mestilah mendapat sokongan penuh dari parti-parti komponen Barisan Nasional.

Adalah difahamkan bahawa Datuk Patinggi Amar Taib Mahmud telah menemui Datuk Seri Dr. Mahathir untuk menyampaikan secara rasmi kedudukan politik di Sarawak setelah pilihanraya itu berakhir.

Para anggota Majlis Tertinggi Barisan Nasional juga dijangka diberi taklimat oleh Perdana Menteri mengenai pindaan perlembagaan yang direstui oleh raja-raja pada 15 Disember di mesyuarat tersebut. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia